

Taja pelajar cemerlang bidang sukan

TEMERLOH: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memberi biasiswa berjumlah RM10 juta kepada 178 pelajar yang membuktikan kecemerlangan dalam bidang sukan untuk menggalakkan mereka terus mencipta kejayaan.

Timbalan Menterinya, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata biasiswa itu mendapat kerjasama Majlis Sukan Negara (MSN) sebagai langkah untuk melahirkan lebih ramai atlit kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

Katanya, KPT berhasrat melahirkan 30 peratus atlit di kalangan pelajar IPT yang berjaya dalam pelbagai sukan di negara ini.

“Sebahagian besar atlit sedar bahawa kegigihan serta kesungguhan mereka berkecimpung dalam sukan dapat menjamin masa depan lebih baik.

“Setakat ini, beberapa IPT seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sarawak (UMS), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaya (UM) menyediakan kursus di bidang sukan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) peringkat negeri Pahang di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seberang Temerloh, dekat sini.